

## KHUTBAH JUMAAT

### "PEKERJA AMANAH TONGGAK NEGARA"

(3 Mei 2024M/ 24 Syawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً  
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَاماً لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّدًا لِلْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Iman dan takwa, menyinari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri, memimpin insan ke jalan yang mulia, menghakis sifat yang tercela, menyuburkan kasih dan cinta, ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jegalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Semoga kita mendapat panduan dan ganjaran pahala

yang sempurna. Tarikh 1 Mei setiap tahun telah dipilih bagi memperingati jasa para pekerja. Justeru, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Pekerja Amanah Tonggak Negara**".

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pekerja cemerlang adalah modal insan yang akan menentukan kejayaan kepada apa jua sektor pekerjaan. Semua anggota masyarakat merupakan pekerja dalam skop dan bidang masing-masing sama ada dalam sektor perkhidmatan awam atau swasta. Pekerjaan adalah satu tuntutan Islam sebagai jalan mendapatkan nafkah untuk menyara keluarga.

Sesungguhnya Islam amat menitikberatkan aspek kebolehan, kepakaran, kekuatan fizikal dan mental serta integriti dalam pekerjaan. Perkara ini jelas menerusi firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qasas, ayat 26:

قَالَتْ إِخْدَنْهُمَا يَأْبَتِ آسْتَجْرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ آسْتَجْرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ (٢٦)

**Maksudnya:** *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.*

Menurut al-Maraghi *rahimahullah*, kedua-dua sifat ini iaitu kepercayaan dan kekuatan, jika ada pada setiap pekerja, maka dia akan mendapat keuntungan dan keberhasilan. Sifat *al-qawiy* adalah kompetensi seseorang pekerja yang mencakupi bakat, kemahiran, kecekapan dan ketelitiannya. Manakala sifat *al-amin* pula adalah

integriti seseorang pekerja yang mencakupi ketelusan, kejujuran dan rasa bertanggungjawab yang tinggi dalam dirinya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada masa kini, kita sering dikhabarkan dengan gejala salah laku dalam pekerjaan, berleluasanya rasuah dan berbagai lagi isu yang menunjukkan kejatuhan nilai integriti dalam sektor pekerjaan. Ini sangat membimbangkan kita kerana meski pun seseorang pekerja itu mempunyai kompetensi dan kelayakan, tapi belum mencukupi untuk memperkuuh integriti. Persoalannya, bagaimana untuk kita menjadi pekerja yang beramanah? Antaranya;

**Pertama:** Luruskan niat ketika melaksanakan pekerjaan. Niat untuk meraih keredaan Allah *subhanahu wata'ala* supaya kita akan dipelihara dan dibimbing ke arah kebaikan dan dijauhkan daripada kerosakan moral dan integriti.

**Kedua:** Tingkatkan iman kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Iman dan keyakinan kepada Allah *subhanahu wata'ala* adalah asas kepada tumbuhnya sifat amanah dalam diri seseorang. Ini kerana hakikat iman itu ialah seseorang berusaha mendekatkan diri dengan Tuhannya. Justeru itu, amanah sering dikaitkan dengan iman dan begitulah sebaliknya. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah bersabda:

(( لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ ))

**Maksud:** Tidak (sempurna) iman bagi orang yang tidak amanah, dan tidak (sempurna) agama bagi orang yang tidak menunaikan janji.

(*Hadis riwayat Imam Ahmad*)

**Ketiga:** Tunaikan hak kepada yang berhak, sentiasa berlaku adil dan menjaga diri daripada melakukan sebarang kezaliman serta penganiayaan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* menerusi surah al-Nisa', ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعْظُلُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾ (٥٨)

**Maksudnya:** Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (*yang berhak menerima*nya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

**Keempat:** Sentiasa bermuhasabah, berusaha memperbaiki diri dan melakukan islah dalam kalangan masyarakat. Selain berkerja untuk mendapatkan nafkah dan keperluan hidup, umat Islam juga disuruh supaya memberi perhatian kepada pembangunan diri dan masyarakat. Sebagai insan yang tidak lepas daripada sebarang kekurangan, kita disarankan supaya sentiasa menambah ilmu untuk memperbaiki diri dan menggunakan sumber yang ada untuk turut menyumbang dalam membina masyarakat yang lebih baik.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam adalah agama yang menganjurkan supaya umatnya bekerja dan berusaha untuk mendapatkan kebaikan di dunia dan juga di

akhirat. Justeru itu, sifat malas, sambil lewa, curi tulang dan seumpamanya bukanlah daripada ajaran Islam. Malah dalam hal ini, sunnatullah yang ditentukan adalah siapa yang berusaha maka dialah yang akan berjaya. Imam Muslim *rahimahullah* telah meriwayatkan hadis daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((إِنَّ الْكَافِرَ إِذَا عَمِلَ حَسَنَةً أُطْعِمَ بِهَا طُغْمَةً مِنْ الدُّنْيَا وَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَإِنَّ اللَّهَ يَدْخُرُ لَهُ حَسَنَاتِهِ فِي الْآخِرَةِ وَيُعْقِبُهُ رِزْقًا فِي الدُّنْيَا عَلَى طَاعَتِهِ ))

**Maksudnya:** Sesungguhnya seorang *kafir* apabila dia melakukan suatu pekerjaan yang baik, dia akan diberi makan (*hasil*) dengannya suatu makanan daripada dunia. Manakala bagi seseorang *mukmin*, sesungguhnya Allah telah menyimpan baginya kebaikan di akhirat dan disusulkan kepadanya rezeki di dunia kerana ketaatannya.

Berdasarkan hadis tadi, Allah *subhanahu wata'ala* tidak akan berlaku zalim terhadap hamba-hamba-Nya di atas dunia sekali pun hamba itu kufur kepada-Nya. Sekiranya seseorang berusaha dan bersungguh-sungguh melakukan sesuatu pekerjaan di dunia ini, Allah *subhanahu wata'ala* akan memberikan hasil yang bersesuaian dengan usahanya. Inilah rahmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Hadis ini juga adalah galakan bagi orang yang beriman supaya rajin bekerja dan tekun berusaha kerana ganjaran yang bakal mereka perolehi adalah di dunia dan di akhirat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, sebagai rumusan untuk peringatan dan panduan kita bersama:

**Pertama** : Pekerja yang berjaya perlulah mempunyai sifat *al-qawiy* iaitu kompetensi dan al-amin iaitu integriti.

**Kedua:** Sifat amanah perlu diterapkan kepada setiap warganegara dan para pekerja bagi mengelakkan ancaman kerugian serta kemunduran kepada agama dan negara.

**Ketiga:** Seorang mukmin yang melakukan suatu pekerjaan yang baik akan mendapat hasil usahanya di dunia dan beroleh ganjaran daripada Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat kelak.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah an-Nahl, ayat 97 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

**Maksudnya** : Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنَّمَا يَقُولُ اللّٰهُ حَقٌّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Berdasarkan keadaan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga suku kedua tahun 2024, dan fasa peralihan monsun yang dijangka berterusan sehingga Mei 2024 yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat, maka khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلْفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dada. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخْشُعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعْبُدَنَا وَتَمِّمْ  
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَفِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.